

**BUNOHAN (2012): SATU KAJIAN TERHADAP KEGAGALAN SEBUAH KARYA
BERMUTU DALAM MENARIK GOLONGAN PENONTON KE PAWAGAM**

RAIHAN SUHAIMI

2009709775

IJAZAH SARJANA MUDA TEKNOLOGI KREATIF

PENULISAN ARTISTIK (KEPUJIAN)


UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

SESI SEPT.2012 – JAN.2013

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali pendapat-pendapat dan karya-karya yang setiap satunya telah saya maklumkan sumbernya.

20 DISEMBER 2012



Raihan Binti Suhaimi

2009709775

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, saya panjatkan syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinnya, saya berupaya menyiapkan penulisan ilmiah ini. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan setinggi penghargaan kepada penyelia saya iaitu Pn.Nur Syazwani Abd Rahim yang tidak jemu membimbing saya dalam menyiapkan penulisan ini. Juga setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Pn.Umi Kalsom Ahmad dan En.Ismail Kassin (pensyarah luar) serta barisan pensyarah yang tidak disebutkan nama mereka disini yang banyak memberi sokongan moral dan tunjuk ajar kepada saya selama ini.

Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua ibu bapa saya yang tersayang iaitu En.Suhaimi Sarpan serta Pn.Zawiyah Ibrahim kerana tidak putus-putus mendoakan kejayaan saya. Pada masa yang sama, tidak dilupakan juga kepada rakan seperjuangan yang senantiasa memberikan idea, dorongan serta semangat khususnya buat Ahmad Syazwan Md Yusof, Mohd Fadzly Mohd Fairuz, Nur Syahirah Hashim, Khairunnisa Abd Rahim, Norazila Kasir, Siti Zubaidah Hashim, Norliza Ramli serta Nurul Iva Mohd Muzamli (pelajar akhir Penulisan Artistik).

Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Cik Nandita Solomon (Penerbit Apparatus Sdn Bhd) kerana sudi meluangkan sedikit masa bagi menjalankan sesi temubual beliau dan akhir sekali kepada semua yang membantu saya secara langsung mahupun tidak dalam menyiapkan latihan ilmiah ini.

Raihan Binti Suhaimi

Fakulti Filem Teater dan Animasi

University Teknologi Mara

Shah Alam.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mampu berperanan dalam mempengaruhi sesebuah filem yang bermutu seperti *Bunohan* sehingga menyebabkannya kurang berjaya di pawagam. Kegagalan yang dimaksudkan adalah merujuk kepada kutipan tiket yang diperolehi tidak mencapai tahap pecah panggung. Selain itu, kajian ini turut mencari jawapan terhadap benar mahupun tidak tanggapan karya bermutu itu berupaya memberi jaminan pada pungutan *box-office* yang lumayan. Keberkesanan teori analisis audiens yang digunakan oleh pengkaji turut diambilkira. Metodologi kajian ini dilaksanakan secara kualitatif, dimana analisis yang dilakukan terdiri daripada sumber primer dan sekunder, iaitu melalui kajian terhadap isi kandungan filem dan temuramah. Hasil kajian menunjukkan bahawa kesemua faktor yang telah dibincangkan menerusi latihan ilmiah ini sering kali terjadi ke atas filem-filem lain yang statusnya sama seperti *Bunohan* (karya hebat namun masih gagal beraksi di pawagam).

KANDUNGAN

PERKARA	M/S
PENGESAHAN	ii
TAJUK	iii
PENGAKUAN	iv
PENGHARGAAN	v
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
ISI KANDUNGAN	viii
BAB 1 (PENDAHULUAN)	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Pengarah Filem Bunohan	4
1.3 Latar Belakang Filem Bunohan	5
1.3.1 Pencapaian	5
1.3.2 Sinopsis	7
1.4 Audiens	7
1.5 Skop Kajian	8
1.6 Penyataan Kajian	9
1.7 Objektif Kajian	10
1.8 Rasional Kajian	10
1.9 Kesimpulan	11
BAB 2 (TINJAUAN LITERATUR)	12
2.1 Pengenalan	12
2.2 Faktor-faktor sesebuah filem tempatan gagal pecah panggung	13
2.2.1 Citarasa Penonton	13
2.2.2 Pemilihan Genre	15
2.2.3 Paksaan dalam Berfikir	16